

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN II - PERKAHWINAN
Permulaan Kepada Perkahwinan**

Seksyen 22. Catatan dalam Daftar Perkahwinan.

- (1) Selepas sahaja akad nikah sesuatu perkahwinan dilakukan, Pendaftar hendaklah mencatatkan butir-butir yang ditetapkan dan *ta'liq* yang ditetapkan atau *ta'liq* lain bagi perkahwinan itu dalam Daftar Perkahwinan.
 - (2) Catatan itu hendaklah diaku saksi oleh pihak-pihak kepada perkahwinan itu, oleh wali, dan oleh dua orang saksi, selain Pendaftar, yang hadir semasa perkahwinan itu diakadnikahkan.
 - (3) Catatan itu hendaklah kemudiannya ditandatangani oleh Pendaftar itu.
-